



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA**

**JAWATAN KOSONG DI LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), adalah sebuah Badan Berkanun yang merupakan agensi pemasaran makanan dan hasil pertanian Malaysia di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berdaya maju untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

**1. Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41 - (1 Kekosongan)**

**Taraf Jawatan** : ‘Contract Of Service’

**Penempatan** : Ibu Pejabat FAMA Selayang, Selangor

**Gred / Jadual Gaji** : Gred E41

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,083.00	RM9,549.00	RM225.00

**Elaun – Elaun** : i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM300.00 Sebulan  
ii) Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00 Sebulan  
iii) Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM300.00 Sebulan

**Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan : RM2,083.00); atau
- iv) Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan : RM2,286.57); atau
- v) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan : RM2,490.99); atau
- vi) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan : RM2,797.62); dan
- vii) Kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM).

## 2. Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E29 - (1 Kekosongan)

---

**Taraf Jawatan** : ‘Contract Of Service’

**Penempatan** : Pejabat FAMA Cameron Highland, Pahang

**Gred / Jadual Gaji** : Gred E29

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,493.00	RM5,672.00	RM145.00

**Elaun – Elaun** : i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM160.00 Sebulan  
ii) Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00 Sebulan  
iii) Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM200.00 Sebulan

**Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji Permulaan : RM1,493.00); atau
- iv) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji Permulaan : RM1,493.00); atau
- v) Sijil Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji Permulaan : RM1,493.00); atau
- vi) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji Permulaan : RM1,493.00); atau
- vii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan : RM1,770.00); dan
- viii) Kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM).

## CARA MEMOHON :

- (a) Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- (b) Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang FAMA 1-08p**.
- (c) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil Akademik, Ijazah, Transkrip dan sijil – sijil berkaitan **yang telah disahkan** dan lain-lain keterangan kelayakan yang disyaratkan.
- (d) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.

## ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP :

Permohonan hendaklah sampai kepada:

Pengarah Kanan Pengurusan Sumber Manusia  
Ibu Pejabat FAMA

Bangunan FAMA Point  
Lot 17304, Jalan Persiaran 1  
Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves,  
Selangor.

Sebelum atau pada : **26 JULAI 2021 (ISNIN)**

## CATATAN AM :

1. Calon-calon diingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **ENAM (6) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.
3. Sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi Cawangan Pelantikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) di talian 03-61262020 samb: 2212 / 2323 / 2043.